



KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

**PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
(SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN)
BILANGAN 1 TAHUN 2022**

**GARIS PANDUAN PENUBUHAN PUSAT PENJAGAAN, RAWATAN IBU SELEPAS
BERSALIN DAN BAYI DI NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan dan Agensi berkaitan di Negeri Selangor mengenai Garis Panduan Penubuhan Pusat Penjagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin dan Bayi di Negeri Selangor yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada masa ini, tiada sebarang penetapan atau proses yang jelas dalam penubuhan pusat penjagaan, rawatan ibu selepas bersalin dan bayi.
- 2.2 Justeru itu, satu garis panduan ditubuhkan bagi memastikan kebenaran merancang perubahan material bangunan dan aktiviti yang dijalankan dapat dikawal oleh PBT dengan pemberian lesen perniagaan dan iklan bagi memastikan operasi perniagaan yang dijalankan mematuhi garis panduan serta syarat yang telah ditetapkan.

3. KEPUTUSAN KERAJAAN NEGERI

- 3.1 MMKN Ke 5/2022 pada 9 Februari 2022 yang disahkan oleh MMKN Ke 6/2022 pada 16 Februari 2022 telah menimbang dan meluluskan cadangan Garis Panduan Penubuhan Pusat Penjagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin dan Bayi Di Negeri Selangor berkuat kuasa mulai 1 Februari 2022.
- 3.2 Selanjutnya, MMKN bersetuju agar semua PBT Negeri Selangor mengguna pakai Garis Panduan Penubuhan Pusat Penjagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin dan Bayi Di Negeri Selangor.

4. PEMAKAIAN

- 4.1 Semua PBT Negeri Selangor adalah dikehendaki untuk menerima pakai Garis Panduan Penubuhan Pusat Penjagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin dan Bayi Di Negeri Selangor.

5. TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh Pekeliling ini ditandatangani.

Sekian.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARIS BIN KASIM) D.P.M.S, S.I.S, A.S.A, P.P.T
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Tarikh :  Mac 2022

Salinan Kepada:

- (i) Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor
- (ii) Y.B. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- (iii) Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
- (iv) Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)



GARIS PANDUAN PENUBUHAN PUSAT PENJAGAAN, RAWATAN IBU SELEPAS BERSALIN DAN BAYI DI NEGERI SELANGOR

2022

**SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR**

ISI KANDUNGAN

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>M/S</u>
1.0	PENDAHULUAN	1
2.0	LATAR BELAKANG	1
3.0	OBJEKTIF	1
4.0	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG (PUNCA KUASA/ RUJUKAN)	2
5.0	TAFSIRAN	3
6.0	KATEGORI BANGUNAN YANG DIBENARKAN	6
7.0	OPERASI DI RUMAH, BERKEMBAR, SESEBUAH, RUMAH BANDAR DAN PANGSAPURI	6
7.1	Kegunaan, Lokasi dan Ruang	6
7.2	Sokongan Berjiran	8
7.3	Syarat-Syarat Lain	9
8.0	OPERASI DI RUMAH KEDAI DAN KEDAI PEJABAT	10
8.1	Kegunaan, Lokasi dan Ruang	10
8.2	Syarat-Syarat Lain	11
9.0	OPERASI DI PANGSAPURI PERKHIDMATAN KOMERSIAL DAN SOHO	11
9.1	Kegunaan, Lokasi dan Ruang	11
9.3	Syarat-Syarat Lain	12
10.0	KAEDAH PELESENAN	12
10.1	Syarat-Syarat Am Premis	12
10.2	Kategori Lesen Perniagaan	13
10.3	Kadar Fi Lesen Perniagaan	13
10.4	Pematuhan / Kelulusan Lesen	13
11.0	AKTIVITI YANG DIBENARKAN	15
12.0	AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN	16
13.0	PENGUATKUASAAN	16
14.0	PENGECUALIAN	17
15.0	TARIKH KUATKUASA	17
16.0	PENUTUP	17

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Garis panduan ini dirangka dan disediakan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) sebagai rujukan dan panduan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor dalam memproses permohonan kebenaran merancang perubahan material bangunan dan permohonan lesen perniagaan aktiviti pusat penjagaan, rawatan ibu selepas bersalin dan bayi. Garis panduan ini juga akan digunakan oleh PBT dalam mengambil tindakan pengawalan dan penguatkuasaan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pusat penjagaan, rawatan ibu selepas bersalin dan bayi merupakan aktiviti yang semakin meningkat naik di kalangan masyarakat dengan tidak hanya tertumpu di kawasan perniagaan malahan bercambah di kawasan kediaman di mana kepadatan penduduk adalah tinggi.
- 2.2 Populariti Pusat Penjagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin Dan Bayi semakin mendapat perhatian ramai khususnya di kalangan ibu muda berikutan keberadaan mereka yang jauh dari ibu bapa sendiri, kurang pengetahuan dan pengalaman pertama dalam penjagaan selepas bersalin dan semasa berpantang.
- 2.3 Pusat Penjagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin Dan Bayi bukan sahaja menawarkan perkhidmatan penjagaan bayi 24 jam secara *one to one*, tetapi turut merangkumi penjagaan menyeluruh termasuk aktiviti pemulihan dari segi spiritual dan fizikal ibu yang merangkumi aktiviti yoga, terapi selepas bersalin di samping penyediaan makanan yang seimbang dan berkhasiat untuk mempercepatkan proses pemulihan para ibu.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Memastikan kebenaran merancang perubahan material bangunan dan aktiviti yang dijalankan dapat dikawal oleh PBT dengan pemberian lesen perniagaan dan iklan bagi memastikan operasi perniagaan yang dijalankan mematuhi garis panduan serta syarat yang telah ditetapkan.
- 3.2 Memastikan Pusat Penjagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin Dan Bayi lebih teratur serta dipantau dari segi bilangan, statistik serta pematuhan kepada syarat-syarat teknikal dalaman atau agensi berkaitan sebelum sebarang kebenaran lesen dikeluarkan.
- 3.3 Memberi peluang kepada orang awam untuk mendapatkan penjagaan dan rawatan selepas bersalin kepada ibu dan bayi yang lebih selamat

dan kondusif.

4.0 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG (PUNCA KUASA/ RUJUKAN)

- 4.1 Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171).
- 4.2 Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172).
- 4.3 Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Akta 133).
- 4.4 Akta Perubatan, 1971 (Akta 50).
- 4.5 Akta Makanan, 1983 (Akta 281).
- 4.6 Akta Pusat Jagaan ,1993 (Akta 506).
- 4.7 Undang-Undang Kecil (UUK) Bangunan Seragam 1984.
- 4.8 UUK Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan (PKPK) PBT Negeri Selangor 2013.
- 4.9 UUK Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (PTPP) PBT Negeri Selangor 2007.
- 4.10 UUK Iklan 2007 PBT Negeri Selangor.
- 4.11 Garis Panduan Perancangan dan Penubuhan Tadika dan Taska 2017.
- 4.12 Garis Panduan Perancangan Fizikal Bagi Warga Emas.
- 4.13 Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) (Selangor) 2001.
- 4.14 Dasar Perbandaran Negara 2 (DPN 2) 2016.
- 4.15 Rancangan Struktur Negeri Selangor 2015.
- 4.16 Rancangan Tempatan Majlis Yang Berkuat Kuasa.
- 4.17 Agenda Matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goals* (SDGs) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
- 4.18 Pekeliling dan arahan dari Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan/ Agensi di Negeri Selangor yang berkuat kuasa.

5.0 TAFSIRAN

5.1 **Jagaan** adalah termasuk perlindungan, pengawasan, pemulihan dan latihan. Manakala 'pusat jagaan' pula bermaksud pusat jagaan berkediaman dan pusat jagaan harian mengikut pengertian Akta 506.

(rujukan: Seksyen 2, Akta 506)

5.2 **Perubahan Material Bangunan** adalah suatu perubahan material mengenai penggunaan suatu bangunan seperti berikut :

Bil	Perubahan Material	Kegunaan Yang Dibenarkan			
a.	Penambahan pada bilangan unit dalam suatu bangunan lebih daripada bilangan yang diluluskan pada asalnya.	Perniagaan, Perindustrian, Perumahan (Tidak melibatkan tambahan ketinggian atau ruang lantai)			
b.	Penggunaan suatu rumah tempat tinggal yang bukan pada asalnya dibina untuk kediaman manusia.	Daripada	Kepada		
		Perniagaan	Asrama Pekerja Asrama Pelajar		
		Perindustrian	Asrama Pekerja Asrama Pelajar		
c.	Penggunaan atau tambahan pada bahagian bangunan sama ada di sebelah atau bercantum pada bahagian luar bangunan itu, yang bersempadan dengan apa-apa garisan biasa jalan.	Tambahan Struktur Di Bangunan Asal (Papan iklan, tangga kecemasan, anjung bangunan)			
d.	Penggunaan suatu bangunan atau sebahagian daripadanya yang berlanggaran atau tidak selaras atau bertentangan dengan peruntukan rancangan pemajuan.	Daripada	Kepada		
		Perniagaan	Pusat Sukan & Rekreasi Institusi Pendidikan Hotel		
			Perindustrian	Pusat Sukan & Rekreasi Institusi Pendidikan Restoran	
		e.	Penggunaan bagi maksud lain suatu bangunan atau sebahagian daripadanya yang pada asalnya dibina sebagai rumah tempat tinggal.	Daripada	Kepada
				Rumah Teres/ Rumah Kluster (Lot tepi sahaja), Rumah Sesebuah, Rumah Berkembar	Tadika
Taska/Pusat Jagaan Harian					
Program Pendidikan Di Bawah Pertubuhan (Taska atau Pusat Asuhan)					
Pusat Jagaan Warga Emas					

			Rumah Anak Yatim
			Pusat Jagaan Orang Kurang Upaya
			Rumah Kebajikan
			Pusat Penjagaan Rawatan Ibu Selepas Bersalin dan Bayi
		Pangsapuri	Pusat Penjagaan Rawatan Ibu Selepas Bersalin dan Bayi
	Daripada	Kepada	
	Pangsapuri Perkhidmatan, <i>Small Office Home Office</i> (SOHO)		Pusat Penjagaan Rawatan Ibu Selepas Bersalin dan Bayi

5.3 **Pihak Berkuasa Melesen (PBM)** ertinya Datuk Bandar, Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua di PBT.

5.4 **Pihak Berkuasa Negeri (PBN)** ertinya Kerajaan Negeri Selangor.

5.5 **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** ertinya mana-mana Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah di dalam Negeri Selangor.

5.6 **Premis** adalah termasuk mesuaj, rumah, bangunan tanah, tenemen, isemen dan hereditamen dari apa-apa pemegang, sama ada terbuka atau terkepung, sama ada dibina atasnya atau tidak, sama ada awam atau persendirian, dan sama ada disenggara atau tidak di bawah pihak berkuasa berkanun.

5.7 **Pusat Kecantikan** ertinya mana-mana premis yang digunakan untuk memberi rawatan kecantikan atau dandanan rambut tetapi tidak termasuk hospital atau klinik di mana pesakit dirawat di bawah pengawasan pegawai perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50], rumah sakit, rumah orang tua atau rumah untuk pemulihan atau mana-mana establisymen lain yang sama dengannya. Jenis rawatan adalah seperti di Jadual Kedua.

(rujukan: UUK PKPK 2013).

5.8 **Pusat Penjagaan** menurut Seksyen 2, Akta 506, 'jagaan' adalah tempat yang dikhususkan di dalamnya aktiviti seperti memelihara, membela,

mengasuh, memberi perhatian kepada individu/masyarakat.

(rujukan: Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506))

5.9 **Pusat Jagaan** adalah termasuk perlindungan, pengawasan, pemulihan dan latihan. Manakala 'pusat jagaan' pula bermaksud pusat jagaan berkediaman dan pusat jagaan harian.

5.10 **Pusat Penjagaan Kesihatan** ertinya mana-mana premis yang digunakan untuk memberikan urutan, rawatan atau latihan kecergasan fizikal dengan atau tanpa peralatan. Jenis rawatan adalah seperti di Jadual Ketiga.

(rujukan: UUK PKPK 2013).

5.11 **Pusat Penjagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin** atau **Confinement Centre** merupakan premis yang menyediakan perkhidmatan penjagaan kepada wanita selepas bersalin dengan pelbagai pakej program mengikut kesesuaian pelanggan.

5.12 **Rawatan** ertinya apa-apa rawatan kecantikan, rawatan kuku tangan dan kaki, dandan rambut, mandi wap atau apa-apa mandian lain yang istimewa, rawatan kaki, rawatan menggunakan elektrik, melangsing badan atau apa-apa rawatan lain yang sama atau latihan kecergasan fizikal dengan atau tanpa peralatan.

(rujukan: UUK PKPK 2013).

5.13 **Rawatan Herba** ertinya apa-apa rawatan yang menggunakan bahan herba atau campuran bahan herba yang dihasilkan daripada proses pengeringan, perahan atau pengacuan, tetapi tanpa memenuhi apa-apa proses lain, bahan semulajadi atau daripada tumbuhan atau mineral atau apa-apa bahagian lain daripada bahan atau bahan-bahan sedemikian.

(rujukan: UUK PKPK 2013).

5.14 **Rawatan Kecantikan** ertinya apa-apa rawatan yang menggunakan kosmetik atau rawatan herba badan atau mana-mana bahagian badan, muka atau rambut untuk merawat atau memulihkan kulit badan atau muka, melangsing badan, urutan muka, dandan rambut, rawatan kuku tangan dan kaki, sauna atau mandian herba dan spa tetapi tidak termasuk pembedahan plastik.

(rujukan: UUK PKPK 2013).

- 5.15 **Rumah** dalam garis panduan ini merujuk kepada bangunan yang digunakan untuk tujuan dihuni atau didiami oleh manusia.
- 5.16 **Rumah Kediaman** termasuklah sesuatu bangunan atau tenemen yang digunakan kesemuanya atau sebahagian besarnya, yang dibina atau dipadankan untuk digunakan bagi kediaman manusia.

6.0 KATEGORI BANGUNAN YANG DIBENARKAN

- 6.1 Proses perubahan material kegunaan bangunan bagi lokasi dibenarkan sebagai Pusat Penjagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin Dan Bayi merangkumi kategori bangunan berikut :
- 6.1.1 Kediaman iaitu rumah teres, berkembar, sesebuah dan rumah bandar.
- 6.1.2 Perniagaan iaitu kedai pejabat / rumah kedai, pangsapuri perkhidmatan komersial dan (SOHO).

7.0 OPERASI DI RUMAH TERES, BERKEMBAR, SESEBUAH, RUMAH BANDAR DAN PANGSAPURI

7.1 Kegunaan, Lokasi Dan Ruang

- 7.1.1 Bangunan rumah teres, berkembar, sesebuah, rumah bandar hendaklah digunakan keseluruhannya sebagai Pusat Penjagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin Dan Bayi dan yang berkaitan dengannya iaitu dari tingkat satu (1) / tingkat bawah hingga tingkat tiga (3). Kegunaan selain daripada maksud tersebut adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- 7.1.2 Perlu mengemukakan permohonan kebenaran merancang perubahan material bangunan secara serentak dengan permohonan pelan bangunan sekiranya terdapat tambahan dan ubah suai pada bangunan tersebut.
- 7.1.3 Bagi permohonan kali pertama, fi kebenaran merancang dikecualikan bagi premis yang telah beroperasi sebagai Pusat Penjagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin Dan Bayi sebelum garis panduan ini diluluskan. Apabila mengemukakan perlanjutan tempoh kebenaran merancang akan dikenakan fi kebenaran merancang.
- 7.1.4 Satu unit Pusat Penjagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin

Dan Bayi bagi setiap 200 unit rumah termasuk bilangan rumah teres, berkembar, sesebuah dan rumah bandar (kecuali rumah bandar yang termasuk dalam kawasan rumah pangsa).


- 7.1.5 Jarak radius antara Pusat Penjagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin Dan Bayi hendaklah melebihi 400 meter antara satu sama lain dalam sesuatu kawasan kejiranan yang sama.
- 7.1.6 Tidak digalakkan di jalan mati (cul-de-sac).
- 7.1.7 Bilangan ibu dan bayi adalah mengikut bilangan bilik tidur sedia ada. Ibu dan bayi tidak boleh ditempatkan selain dari bilik tidur sedia ada mengikut pelan bangunan yang diluluskan oleh pihak PBT.
- 7.1.8 Rumah bandar, rumah teres lot pepenjuru dan lot tepi yang mempunyai kawasan tanah terbuka minima 325 k.p. (saiz minima tanah 5 kaki x 65 kaki) sahaja dibenarkan. Penggunaan lot tengah adalah tidak dibenarkan sama sekali. Sila rujuk contoh lot rumah yang dibenarkan di Rajah 1 dan 2.

Rajah 1: Contoh Lot Rumah Teres Yang Dibenarkan.



√ : Dibenarkan

Rajah 2: Contoh Lot Rumah Bandar Yang Dibenarkan.



✓ : Dibenarkan

7.2 Sokongan Berjiran

7.2.1 Sokongan perlu diperolehi daripada pemunya tanah berjiran atau penduduk (penyewa). Sila rujuk Rajah 3, 4, 5 dan 6.


Rajah 3: Contoh Sokongan Jiran Di Rumah Teres.



★ : Perlu mendapatkan sokongan jiran.

□ : Tapak cadangan.

Rajah 4: Contoh Sokongan Jiran Di Rumah Berkembar.



★ : Perlu mendapatkan sokongan jiran.

□ : Tapak cadangan.

Rajah 5: Contoh Sokongan Jiran Di Rumah Sesebuah.



★ : Perlu mendapatkan sokongan jiran.

□ : Tapak cadangan.

Rajah 6: Contoh Sokongan Jiran Di Rumah Bandar.



★ : Perlu mendapatkan sokongan jiran.

□ : Tapak cadangan.

7.3 Syarat-Syarat Lain

- 7.3.1 Perlu mendapatkan persetujuan keseluruhan daripada pemegang unit syer dan disahkan dalam mesyuarat agung pemegang unit syer bangunan pangsapuri perkhidmatan perniagaan dan SOHO berkenaan.
- 7.3.2 Perlu mendapatkan kebenaran bertulis dari pemilik kediaman sekiranya penghuni menyewa premis tersebut.
- 7.3.3 Premis yang menjalankan aktiviti ini di bangunan kediaman akan dikenakan cukai taksiran mengikut kategori perniagaan (6%).
- 7.3.4 Bilangan ibu bersama bayi dalam sesuatu bangunan rumah kediaman adalah mengikut bilangan bilik tidur sedia ada. Ibu dan bayi tidak boleh ditempatkan selain dari bilik tidur sedia ada mengikut pelan bangunan yang diluluskan oleh PBT.
- 7.3.5 Nisbah penjagaan adalah 1 penjaga bagi 3 ibu dan 1 penjaga

bagi 3 bayi.

8.0 OPERASI DI RUMAH KEDAI DAN KEDAI PEJABAT

8.1 Kegunaan, Lokasi Dan Ruang

8.1.1 Bangunan ini hendaklah digunakan keseluruhannya sebagai Pusat Penjagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin Dan Bayi serta yang berkaitan dengannya iaitu dari tingkat satu (tingkat bawah) hingga tingkat 2 sahaja manakala bangunan yang mempunyai perkhidmatan lif boleh digunakan hingga tingkat 5. Kegunaan selain daripada maksud tersebut adalah tidak dibenarkan sama sekali.

8.1.2 Bagi permohonan yang melebihi dua (2) unit perlu mengemukakan permohonan kebenaran merancang (KM) perubahan material bangunan secara serentak dengan permohonan pelan bangunan (PB) sekiranya terdapat tambahan dan ubah suai pada bangunan tersebut. Sila rujuk Rajah 7.

Rajah 7 : Perlu Mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang Perubahan Material Bangunan Di Kedai Pejabat dan Rumah Kedai.



□ : Tapak cadangan

8.1.3 Bagi permohonan yang kurang dua (2) unit dikecualikan daripada mengemukakan permohonan kebenaran merancang perubahan material bangunan. Sila rujuk Rajah 8.

Rajah 8 : Dikecualikan Mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang Perubahan Material Bangunan Di Kedai Pejabat dan Rumah Kedai.



□ : Tapak cadangan

- 8.1.4 Satu unit Pusat Penjagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin Dan Bayi bagi setiap 200 unit rumah kedai. Jarak antara pusat-pusat tersebut hendaklah melebihi 400 radius antara satu sama lain dalam suatu kawasan pusat perniagaan.

8.2 Syarat-Syarat Lain

- 8.2.1 Aktiviti unit-unit berjiran (tanah berjiran) hendaklah bukan aktiviti berisiko tinggi yang boleh menimbulkan kacau ganggu dan pencemaran bunyi, udara dan air.
- 8.2.2 Nisbah penjagaan adalah 1 penjaga bagi 3 ibu dan 1 penjaga bagi 3 bayi.

9.0 OPERASI DI PANGSAPURI PERKHIDMATAN PERNIAGAAN DAN SOHO

9.1 Kegunaan, Lokasi Dan Ruang

- 9.1.1 Unit-unit kediaman Pangsapuri Perkhidmatan Perniagaan dan SOHO di tingkat yang sama hendaklah keseluruhannya digunakan sebagai Pusat Penjagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin Dan Bayi serta yang berkaitan dengannya. Kegunaan selain daripada maksud tersebut di tingkat yang sama tetapi unit yang berlainan adalah tidak dibenarkan sama sekali.

- 9.1.2 Hanya satu tingkat (keseluruhan unit-unit di tingkat yang sama) dibenarkan digunakan sebagai Pusat Penjagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin Dan Bayi di sesuatu blok bangunan kediaman pangsapuri perkhidmatan komersial dan SOHO atau blok perniagaan bercampur yang mengandungi pangsapuri perkhidmatan perniagaan dan SOHO.
- 9.1.3 Perlu mengemukakan permohonan kebenaran merancang perubahan material bangunan.

9.2 Syarat-Syarat Lain

- 9.2.1 Aktiviti unit-unit berjiran (tanah berjiran) hendaklah bukan aktiviti berisiko tinggi yang boleh menimbulkan kacau ganggu dan pencemaran bunyi, udara dan air.
- 9.2.2 Perlu mendapatkan persetujuan keseluruhan daripada pemegang unit syer dan disahkan dalam mesyuarat agong pemegang unit syer bangunan pangsapuri perkhidmatan perniagaan dan SOHO berkenaan.
- 9.2.3 Nisbah penjagaan adalah 1 penjaga bagi 3 ibu dan 1 penjaga bagi 3 bayi.

10.0 KAEDAH PELESENAN

10.1 Syarat-Syarat Am Premis

- 10.1.1 Pintu atau dinding premis hendaklah menggunakan kaca atau apa-apa benda lutsinar lain dan tidak dibenarkan untuk diwarnakan atau ditampal dengan apa-apa bahan yang menghalang penglihatan.
- 10.1.2 Premis hendaklah berkonsepkan terbuka dengan sistem pencahayaan yang terang dan pengudaraan yang baik.
- 10.1.3 Menyediakan kamera CCTV yang mencukupi bagi memastikan keselamatan bayi dan juga ibu-ibu bayi.
- 10.1.4 Pintu-pintu hendaklah dilengkapi dengan kad khas untuk akses terhad untuk perawat atau penjaga dan juga pelawat yang berdaftar sahaja.

- 10.1.5 Memastikan keadaan premis dalam keadaan bersih, selamat dan teratur.
- 10.1.6 Menyediakan lif bagi memudahkan pergerakan keluar masuk serta pengalihan bayi dan lif hendaklah diselenggara dengan baik.
- 10.1.7 Semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar adalah bebas dari halangan.
- 10.1.8 Menyediakan tandas yang sempurna dan mencukupi serta hendaklah dalam keadaan bersih sepanjang masa.
- 10.1.9 Menyediakan tong sampah dengan bilangan yang mencukupi dan bertutup sepanjang masa.
- 10.1.10 Memastikan persekitaran premis sentiasa berada dalam keadaan bersih dan teratur.

10.2 Kategori Lesen Perniagaan

- 10.2.1 Lesen Pusat Penjagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin Dan Bayi akan dikategorikan di bawah Pusat Penjagaan Kesihatan.

10.3 Kadar Fi Lesen Perniagaan

- 10.3.1 Tempoh lesen adalah 1 tahun. Berikut adalah kadar fi lesen perniagaan bagi Pusat Penjagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin Dan Bayi :

Perkara	Fi (RM)
Bagi setiap 10 meter persegi atau sebahagiannya.	RM100.00 setahun
Cagaran perniagaan.	Dua kali ganda kadar fi lesen setahun dan tidak melebihi RM10,000.00

10.4 Pematuhan / Kelulusan Lesen

- 10.4.1 Perlu mendapatkan sokongan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Polis Diraja Malaysia.

- 10.4.2 Perlu mendapatkan ulasan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia sekiranya perkhidmatan yang ditawarkan merangkumi rawatan kesihatan.
- 10.4.3 Perlu mendapatkan ulasan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi menjalankan aktiviti penjagaan bayi selepas bersalin.
- 10.4.4 Perlu memastikan perawat dan penjaga ibu dan bayi adalah terdiri daripada penjaga atau jururawat yang bertauliah dan bilangan perawat atau penjaga dalam satu masa adalah mencukupi untuk tujuan kawalan dan pengawasan.
- 10.4.5 Perlu menempatkan sekurang-kurangnya seorang doktor bertauliah untuk menjalankan pemantauan ke atas ibu dan anak.
- 10.4.6 Pemegang lesen hendaklah menyediakan buku rekod kemasukan pelanggan atau apa-apa transaksi seumpama yang boleh digunakan untuk tujuan semakan oleh pihak berkuasa.
- 10.4.7 Perlu mengemukakan sijil perkhidmatan kawalan serangga perosak dan pembawa penyakit.
- 10.4.8 Perlu mengemukakan salinan laporan pemeriksaan kesihatan bagi pekerja yang terlibat dalam aktiviti pusat kecantikan.
- 10.4.9 Perlu mengemukakan salinan surat pemeriksaan doktor dan suntikan TY2 serta salinan sijil kursus pengendali makanan bagi kesemua pengendali makanan di premis tersebut.
- 10.4.10 Perlu mengemukakan kelulusan pelan ubahsuai serta mematuhi syarat teknikal lain yang ditetapkan oleh PBM.
- 10.4.11 Tindakan penutupan dan sitaan akan dilakukan ke atas premis yang melanggar mana-mana syarat yang ditetapkan termasuk pembatalan lesen perniagaan dan iklan.
- 10.4.12 CCTV hendaklah dipasang bagi tujuan keselamatan bangunan dan penghuni.
- 10.4.13 Premis hendaklah menyediakan kemudahan pengurusan sisa seperti berikut :

- i. Ruang untuk sampah domestik hendaklah dilengkapi tong sampah bersaiz 240 liter.
- ii. Ruang untuk sampah pukal. Pihak premis perlu melantik kontraktor panel sisa industri PBT.
- iii. Ruang untuk kitar semula hendaklah dilengkapi 1 set tong kitar semula bersaiz 240 liter setiap satu.
- iv. Bagi sampah lampin pakai buang kanak-kanak, perlu dilengkapi tong sampah bersaiz 120 liter.

10.4.14 Perlu mengambil insuran tanggungan awam kepada pelanggan iaitu ibu dan bayi.

11.0 **AKTIVITI YANG DIBENARKAN**

11.1 Aktiviti yang dibenarkan di Pusat Penjagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin Dan Bayi adalah terhad kepada aktiviti berikut :

11.1.1 Urutan selepas bersalin.

11.1.2 Urutan moden yang menggunakan sebarang peralatan.

11.1.3 Sauna / spa / jakuzi.

11.1.4 Refleksologi.

11.1.5 Mandi herba, susu dan bunga.

11.1.6 Pelansingan badan.

11.1.7 Pedandangan rambut.

11.1.8 Pusat meditasi (yoga).

11.1.9 Penjagaan bayi.

11.1.10 Sajian makanan.

11.1.11 Aktivit-aktiviti bertujuan penginapan ibu dan bayi yang akan diluluskan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

11.2 Bagi aktiviti lain (selain senarai di atas) seperti kafe dan menjual ubat, permohonan lesen perniagaan dan iklan hendaklah dilaksanakan secara

berasingan dan tertakluk kepada pertimbangan PBT dari masa ke semasa.

12.0 AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN

12.1 Aktiviti yang tidak dibenarkan di Pusat Penjagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin Dan Bayi adalah seperti berikut:

12.1.1 Membenarkan mana-mana orang yang dikhuatiri atau disyaki boleh menyebarkan penyakit berjangkit atau penyakit boleh merebak memasuki pusat penjagaan.

12.1.2 Membenarkan mana-mana orang yang tiada alasan munasabah untuk masuk ke pusat penjagaan.

12.1.3 Membenarkan aktiviti perjudian atau penyalahgunaan dadah dijalankan di pusat penjagaan atau perbuatan yang menyebabkan kacau ganggu atau bising di kawasan persekitaran pusat penjagaan.

12.1.4 Menjalankan apa-apa bentuk aktiviti hiburan di pusat penjagaan.

12.1.5 Membenarkan apa-apa makanan atau minuman yang memabukkan dihidangkan di pusat penjagaan.

13.0 PENGUATKUASAAN

13.1 PBM atau pegawai diberi kuasa boleh pada setiap masa yang munasabah mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa memasuki mana-mana premis yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam talian dan menjalankan apa-apa pemeriksaan di premis itu.

13.2 Sebarang tindakan penguatkuasaan yang diambil hendaklah merujuk kepada peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di PBT masing-masing.

13.3 PBT boleh menambah syarat / terma berdasarkan peruntukan sediaada di dalam garis panduan ini mengikut kesesuaian dari masa ke semasa bagi tujuan kawalan dan pemantauan.

13.4 PBT boleh meneliti semula setiap proses mengikut kesesuaian dari masa ke semasa berpandukan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa bagi memastikan premis beroperasi secara terkawal dan

teratur.

14.0 PENGECUALIAN

14.1 PBN boleh mengecualikan apa-apa peruntukan, fi atau caj yang dinyatakan di dalam garis panduan ini tertakluk kepada undang-undang berkaitan yang berkuat kuasa.

15.0 TARIKH KUAT KUASA

15.1 Garis panduan ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditentukan oleh PBN.

16.0 PENUTUP

16.1 Garis panduan ini perlu dibaca bersama-sama dengan Akta, UUK serta pekeliling-pekeliling lain yang terpakai di PBT Negeri Selangor termasuk yang dikeluarkan oleh PBN yang sedang berkuat kuasa.

16.2 Dengan adanya garis panduan ini, PBT Negeri Selangor diharap boleh memastikan pusat penjagaan dan rawatan ibu selepas bersalin dapat dikawal serta mematuhi syarat yang telah ditetapkan.